



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan maklumat utama mengenai Kemudahan Overdraf dijamin oleh Simpanan Tetap (FD).

Pelanggan lain telah membacanya dan mendapati ia berguna; **Anda juga patut membacanya.**

Produk: Kemudahan Overdraf dijamin oleh Simpanan Tetap (FD)

Tarikh:

1. Apakah Kemudahan Overdraf dijamin oleh Simpanan Tetap (FD)?

- Kemudahan Overdraf dijamin oleh Simpanan Tetap (FD) ialah kemudahan kredit pusingan yang perlu dibayar balik apabila diminta.
- Margin pembiayaan sehingga 100%.
- Anda mencagarkan FD anda kepada Bank untuk kemudahan ini.
- Kemudahan Overdraf bercagar ini dikira berdasarkan kadar berubah dan faedah dikenakan setiap hari ke atas jumlah yang dikeluarkan daripada Kemudahan Overdraf ini.

2. Apakah obligasi saya?

Untuk Kemudahan Overdraf, sebagai ilustrasi sahaja.

- Jumlah Had Overdraf: **RM100,000**
- Amaun Overdraf yang digunakan: **RM50,000**
- Tempoh Pinjaman Anda: **Berasas pusingan, tertakluk kepada semakan tahunan mengikut budi bicara Bank di mana Bank berhak untuk menggantung, memanggil semula, membatalkan atau menamatkan kemudahan Overdraf**
- Kadar Asas Standard (SBR) *: **2.75%**
- Kadar Faedah Efektif Anda: $SBR + 2.00\% = 4.75\%$ setahun
- Kadar Faedah atas Amaun Overdraf yang digunakan[^]: **RM195.21**

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (tertakluk kepada cukai yang berkenaan, jika berkenaan):

- **Setem Duti:** 0.50% dari had kemudahan
- **Setem Duti pada Memorandum Simpanan:** RM10.00
- **Yuran Komitmen:** Yuran komitmen sebanyak **Satu peratus (1.00%)** setahun akan dikenakan ke atas bahagian Kemudahan yang tidak digunakan jika had Kemudahan yang diberikan kepada anda adalah melebihi RM250,000 secara agregat. Yuran yang tidak boleh dikembalikan ini akan dicaj ke akaun Kemudahan anda pada akhir setiap bulan.
- **Penyata Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP):** RM20 untuk setiap permohonan.
- **Permintaan untuk Salinan Dokumen Securiti:** RM25.00 untuk setiap dokumen dan setiap salinan.
- **Salinan Penyata Akaun Pinjaman:** RM2 untuk setiap halaman, tanpa mengira tempoh.

Untuk senarai penuh fi dan caj terkini, sila layari laman web kita.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama dalam kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar kadar faedah berdasarkan amaun Kemudahan Overdraf yang digunakan dengan masa yang tepat dan memastikan **amaun yang digunakan tidak melebihi had Overdraf yang diluluskan**



Pastikan anda mampu membayar **kadar faedah yang lebih tinggi** sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat. SBR boleh turun atau naik berdasarkan perubahan dalam OPR.



Hubungi pihak Bank dengan segera jika anda tidak dapat membuat pembayaran

* Kadar SBR adalah berdasarkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. SBR boleh turun atau naik berdasarkan perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR).

[^] Pengiraan adalah berdasarkan contoh hari penggunaan dalam bulan September (contoh: 30 hari dalam bulan September).



3. Kenali Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku jika anda gagal membuat pembayaran?

1. Anda akan **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj pembayaran lewat sebanyak **1.00% ke atas jumlah tertunggak**.
2. Kami boleh **menolak** sebarang baki kredit dalam akaun yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak untuk kemudahan Overdraft ini.
3. Kami juga mempunyai hak **untuk mengguna FD** yang dikekalkan dengan kami terhadap jumlah tertunggak di bawah Kemudahan Overdraft selepas notis bertulis tujuh (7) hari kalendar.
4. **Tindakan undang-undang akan diambil** jika anda tidak membayar bayaran balik ke atas baki tertunggak kemudahan tersebut.
5. **Skor kredit** boleh terjejas dan boleh menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

Pembayaran akan meningkat selama tempoh Kemudahan Overdraft anda.

SBR akan meningkat berdasarkan peningkatan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan SBR bermaksud **pembayaran yang lebih tinggi**

Contoh untuk tujuan ilustrasi:-

Had Overdraft	: RM100,000.00
Amaun Overdraft yang digunakan	: RM50,000
Jumlah Hari Penggunaan Overdraft	: 30 hari dalam bulan September
Kadar Faedah	: 4.75%

	Kadar Faedah Semasa (Cth. 4.75%)	Kadar Faedah Meningkat Sebanyak 1% (Cth. 5.75%)	Kadar Faedah Meningkat Sebanyak 2% (Cth. 6.75%)
Kadar Faedah atas Amaun Overdraft yang digunakan	RM195.21	RM236.30	RM277.40

4. Terma Utama Lain

Tempoh Terkunci Matang :	Tiada
Cagaran :	FD adalah dicagarkan kepada Bank untuk kemudahan Overdraft ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan dengan kemudahan Overdraft, anda boleh:



Menghubungi
Customer Service
Center:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
www.bankofchina.com.my



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com



Imbas QR kod untuk
maklumat lanjut

Nota: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu. Sila hubungi +603-2616 7766 Pusat Panggilan AKPK untuk maklumat lanjut.